



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 17 April 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## 提供服務涉操縱價格 競委會促罰22托兒中心

(吉隆坡16日讯) 马来西亚竞争委员会（MyCC）建议，处罚22家提供托儿中心服务时参与价格操纵协议的企业。

该会主席丹斯里依德鲁斯哈伦指出，所有涉案企业同被指控违反2010年竞争法令

第4条文。

他说，根据该会调查，这些企业不仅曾讨论提高托儿服务费，还在一项会议上表决同意后，通告所有协会成员和托儿中心业者。

他昨日发文告说，提高收费旨在限制吉隆坡和雪兰莪

托儿服务的竞争。

“MyCC仍处于早期阶段，因此目前还不能明确涉案企业已违反上述法令。根据有关法令规定，所有涉案企业都已收到MyCC建议实行的处罚和指示。”

他说，这些公司可在收到通知的30天内向MyCC提交书面陈词。

“这些公司随后也有机会在稍后确定的日期向MyCC作口头陈述。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

## Dua lelaki Thailand dicekup, lima bulan seludup petrol

**TANAH MERAH** – Taktik licik dua lelaki Thailand yang mengubah suai tangki minyak kereta untuk menyeludup petrol sejak lima bulan lalu terbongkar selepas dicekup semasa melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga di sini kelmarin.

Kedua-dua lelaki berusia dalam lingkungan 30-an dan 50-an itu ditahan ketika masing-masing memandu dua buah kereta jenis Proton Waja.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kelantan, Azman Ismail berkata, pa-

sukan penguat kuasa membuat perhatian 45 minit menerusi Ops Tiris.

Ujarnya, pemandu kedua-dua kereta itu dikesan mengisi petrol di beberapa stesen minyak disekitar Bukit Bunga di sini.

"Pemeriksaan terhadap kereta itu semasa tiba di ICQS Bukit Bunga membawa kepada penemuan tangki tambahan yang dipercayai digunakan untuk menyeludup petrol ke Thailand.

Ujarnya, mereka turut mengaku sudah menjalankan kegiatan tersebut sejak hampir lima bulan yang lalu.

"Kedua-dua kenderaan dirampas untuk siasatan," ujarnya.



**SALAH** sebuah kereta Proton Waja yang diubah suai tangki untuk menyeludup petrol ditahan di ICQS Bukit Bunga, Tanah Merah kelmarin.

## Guna kereta tempatan diubah suai taktik seludup petrol

**Jeli:** Taktik licik dua lelaki warga Thailand yang menggunakan kereta tempatan dengan mengubah-suai tangki minyak untuk menyeludup petrol terbongkar selepas ditahan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), kelmarin.

Kedua-dua suspek berusia 30 dan 50 tahun itu ditahan menerusi operasi bersepadu, Ops Tiris, di Bukit Bunga, di sini, yang turut disertai Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 3 pada jam 1.30 tengah hari.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, kedua-dua suspek ditahan ketika cuba melepas Kompleks Imigresen, Kas-

tam, Kuarantine dan Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga menuju ke Thailand menggunakan kenderaan tempatan yang sudah diubah suai pada tangki minyak.

“Penahanan suspek itu dibuat susulan pemantauan dan mendapat kegiatan mencirikan di beberapa stesen minyak sekitar kawasan terbabit.

“Hasil pemeriksaan terhadap Proton Waja terbabit membawa kepada pernemuan sejumlah 245 liter petrol sekali gus menjadikan nilai keseluruhan rampasan melebihi RM10,000.

“Siasatan turut mendapat suspek sudah mem-

beli kenderaan terbabit tanpa menukar nama pemilik asal sebagai helah bagi mengelak dikesan pihak berkuasa serta memudahkan kegiatan penyelewengan dilakukan,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Menurutnya, kedua-dua suspek mengaku sudah terbabit dalam kegiatan menyeludup petrol sejak ham-pir lima bulan lalu.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana memiliki dan berurus dengan barang kawalan tanpa kebenaran yang sah,” katanya.



DUA lelaki warga Thailand menggunakan kenderaan tempatan dan ubah suai tangki untuk seludup minyak sebelum ditahan di ICQS Bukit Bunga, Jeli.

## Filipinos jailed for illegal possession of petrol

TAWAU: Three Filipinos were each sentenced to eight months in prison for illegally possessing 5,450 litres of petrol stored in 218 cans earlier this month.

Abdul Majid Alkano, 31, Abu Bakar Ibrahim, 28, and Omar Barli, 33, pleaded guilty separately before Sessions Court Judge Ahmad Faizadh Yahaya.

They admitted to jointly committing the offence in Omadal Northern waters, off the coast of Semporna, at around 6am on April 8, this year when they were found in possession the controlled goods, namely 5,450 litres of petrol without a licence.

They were charged under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961, which carries a penalty of a fine not exceeding RM1 million, imprisonment not exceeding three years, or both, on conviction.

According to case facts, the men were detained by a team from the General Operations Force (PGA) in Kunak who inspected a fibre boat they were on and seized the petrol stored in 218 cans, estimated to be worth RM11,172.50.

The case was later handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), Semporna Branch, for further investigation.

The court also ordered the trio referred to the Immigration Department of Malaysia (JIM) after serving their sentences.

KPDN Semporna Prosecuting Officer Delmansyah Syaripuddin prosecuted, while the accused were unrepresented. - Lagatah Toyos



The three Filipinos at the court yesterday.

HARI: KHAMIS  
TARIKH: 17/4/2025  
M/SURAT: 6

## MUIS boosts halal monitoring

THE Sabah Islamic Religious Council (MUIS) remains committed to ensuring that chicken and food products sold in the state are halal and their status is trustworthy, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Arifin Mohd Arif.

He said that as part of monitoring efforts, MUIS has appointed 26 additional monitoring officers throughout the state to strengthen

enforcement of halal compliance standards.

He also said that regarding imported chicken, halal certificates have been verified and approved in accordance with procedures, with close cooperation between MUIS, the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), and the Department of Veterinary Services (DVS).

"To date, MUIS and JAKIM have not received any reports of arrest or auction of non-halal chicken. As the halal certification body, MUIS works closely with KPDN in enforcement activities. Enforcement and prosecution actions fall under the jurisdiction of KPDN and local authorities, in line with the Trade Descriptions Act 2011, particularly the Trade Descriptions (Certification and Marking of Halal) Order 2011."

said Arifin at the State Assembly when winding up his ministry's speech on Wednesday.

He added that information from relevant agencies also states that any confiscated products with questionable halal status will not be auctioned but will be fully disposed of.

"This is to prevent any confusion or doubt among consumers and aligns with the precautionary principle in halal governance," he said.

# Malaysia terkesan tapi tetap bersedia



**Kata Saya**

Bersama  
**LAVANYA**  
VENKATESWARAN

- Impak daripada tarif yang diumum Presiden Trump
- Pengecualian semikonduktor beri keleagaan

**EKONOMI** Malaysia sedang menghadapi kesan pergolakan ekonomi global ketika dalam situasi suku kukuh. Ekonomi berkembang sebanyak 5.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (YoY) dan data terkini menunjukkan bawahan pertumbuhan pada Suku Pertama 2025 (SI25) dijangka mampu bertahan, walaupun pada kadar lebih sederhana.

Pengumuman tarif yang dibuat oleh Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump telah menggegar ekonomi di seluruh dunia dan menimbulkan kesedaran bahawa hubungan perdagangan lama akan berubah dengan ketara daripada kelaziman semasa.

Pada hakikatnya tiada ekonomi yang terlepas, lebih-lebih lagi jika AS mempunyai deficit perdagangan yang tegar dengan negara tersebut. AS mempunyai deficit perdagangan yang berterusan dengan Malaysia sejak seawal tahun 2000 lagi dan secara terkumpul berjumlah AS\$24.8 billion (RM 109.50 billion) pada 2024.

Kesannya salah pengiraan tarif timbal balik 'terdiskaun' sebanyak 24 peratus yang dikenakan ke atas import AS dari Malaysia, berkuat kuasa 5 April. Keputusan tersebut telah ditangguhkan selama 90 hari mulai 9 April.

Walau apa pun hasil rundingan, tarif timbal balas Malaysia pada kadar 24 peratus adalah lebih rendah berbanding negara-negara serantau seperti Vietnam (46 peratus), Kembang (49 peratus), Thailand (37 peratus) dan Laos (48 peratus), membekalkannya mengekalkan daya saing secara perbandingan, bagi firma yang masih cenderung untuk mengeksport ke AS.

Selain itu, bagi syarikat yang telah menggunakan strategi 'China +1', daya tarikan Malaysia masih lebih tinggi berbanding kadar tarif 145 peratus bagi Tanah Besar China. Tetapi ini bukan kata putus bagi tarif yang dikenaan terhadap Malaysia.

## Pengecualian

Pengecualian yang diberikan kepada semikonduktor dan



TARIF yang diumumkan Trump telah menggegar ekonomi di seluruh dunia sehingga dijangka mengubah hubungan perdagangan lama. — GAMBAR HIASAN

produk berkaitan telah memberikan keleagaan sementara kira-kira 46 peratus daripada eksport Malaysia ke AS masih dikecualikan daripada tarif berdasarkan peraturan terkini (setakat 14 April 2025).

Antara termasuk produk peralatan elektronik dan elektrik, meliputi litar bersepada elektronik, sel fotovoltan, kelengkapan komunikasi dan mesin pemprosesan data automatik.

Namun satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah pentadbiran Trump tidak menolak kemungkinan untuk mengenakan tarif ke atas semikonduktor yang menimbulkan ketidakpastian lebih besar ke atas ekonomi.

Kami telah menurunkan unitur jangka pertumbuhan KDNK 2025 kami kepada 4.3 peratus YoY berbanding 4.5 peratus sebelum ini. Keadaan ini terutamanya mencerminkan prospek permintaan luar yang lebih lemah disebabkan ketidakpastian yang berpanjangan dan kadar tarif lebih tinggi ke atas import AS yang dijangka menjelaskan eksport global.

Pada masa sama, kami meramalkan syarikat perniagaan akan lebih berwaspadai dengan rancangan perbelanjaan mereka, menanggulangi pelaburan modal dan peluan operasi, manakala isi rumah meningkatkan simpanan sebagai langkah berjaga-jaga dan melengahkan sebarang perbelanjaan besar.

Bagaimanapun, risiko lebih cenderung kepada kadar pertumbuhan yang lebih rendah. Pihak berwajib perlu melaksanakan dasar kitaran balas untuk menampung risiko penyusutan pertumbuhan dalam jangka pendek.

Dari segi fiskal, langkah-

“

Satu perkembangan tidak diduga ialah paras inflasi yang kekal rendah. Inflasi utama terus menyusut kepada 1.5 peratus perbandingan tahunan pada Februari, dengan inflasi teras pada 1.9 peratus secara tahunan.”

langkah ini mungkin termasuk pelepasan cukai untuk sektor tertentu dan pemberian tunai bersasar. Pelaksanaan dasar monetari kitaran balas termasuk lebih banyak pelan penyusunan semula tanggungan hutang, usaha mengurangkan turun naik FX, memberikan keyakinan kepada syarikat korporat dan institusi kewangan dan potensi mengurangkan kadar faedah jika kemasukan pertumbuhan menjadi lebih meluas.

## Industri semikonduktor

Lebih penting lagi, prospek jangka pendek yang suram mewekkan keperluan untuk agenda pembaharuan jangka pertengahan yang mantap. Pihak berwajib Malaysia telah mengambil langkah-langkah penting untuk mengukuhkan prospek pertumbuhan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Langkah memperkenalkan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030,

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan Undang-Undang Kewangan Awam dan Tangguhjawab Fiskal menggariskan komitmen kerajaan untuk mengukuhkan tunggak utama pertumbuhan merentasi sektor dan wilayah ekonomi.

Sebagai contoh, salah satu matlamat dinyatakan oleh pentadbiran semasa ialah untuk menaikkan kedudukan industri semikonduktor dalam rantai nilai.

Ekosistem semikonduktor Malaysia kini menghukus dalam aktiviti operasi belakang seperti pengujian dan pembungkusan. Keupayaan meningkat naik dalam rantai nilai reka bentuk dan pengeluaran litar bersepada (IC) menghasilkan nilai tambah yang lebih besar untuk ekonomi dan menjana pertumbuhan lebih berkualiti.

Kerjasama kerajaan dengan firma cipta Britain Arm Holdings PLC selama 10 tahun bernilai USD\$250 juta (RM1.1 bilion), untuk mengakses lesen berkaitan semikonduktor bagi mengukuhkan keupayaan reka bentuk IC dalam pesisir adalah satu langkah penting ke arah yang wajar.

JS-SEZ adalah satu lagi contoh perbaharuan struktur yang akan menggalakkan pembangunan ruang lebih besar di seluruh ekonomi. Pembangunan ini juga memberi ruang kepada pihak berwajib untuk memberi tumpuan kepada industri pilihan seperti peralatan elektrik dan elektronik, peranti perubatan, bahan kimia, tenaga boleh diperbarui dan pusat data.

Reaksi awal dan minat terhadap JS-SEZ adalah positif; ketegangan perdagangan global

yang berlarutan mungkin akan terus mencetus minat kerjasama perdagangan dan pelaburan di dalam rantau.

Pengukuhan fiskal untuk mewujudkan ruang fiskal yang membolehkan perbelanjaan modal berkualiti tinggi, mengurangkan perbelanjaan subsidi yang membazir dan meluaskan asas hasil cukai juga akan meletakkan ekonomi pada kedudukan baik dalam jangka pertengahan.

## Subsidi

Dari segi hasil, kerajaan telah memperkenalkan e-invois, meluaskan skop dan kadar cukai jualan dan perkhidmatan, dan memperkenalkan cukai keuntungan modal (Januari 2024). Langkah memperkenalkan semula Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) kekal sebagai ketidakpastian utama.

Dari segi perbelanjaan, pihak berwajib memperkenalkan rasionalisasi subsidi diesel berbasar (Jun 2024) dan merancang untuk memperkenalkan rasionalisasi RON95 yang dijangka dilaksanakan pada separuh kedua 2025. Risiko kepada rasionalisasi tersebut menjadi semakin jelas, kerana harga minyak global yang kekal rendah sama ada akan mempercepatkan peralihan kepada rasionalisasi RON95 berbasar atau menangguhkannya sehingga diperlukan.

Satu perkembangan tidak diduga ialah paras inflasi yang kekal rendah. Inflasi utama terus menyusut kepada 1.5 peratus perbandingan tahunan pada bulan Februari, dengan inflasi teras pada 1.9 peratus secara tahunan.

Harga minyak global kini berada sekitar AS\$60-65 (RM265-287) setong, jauh di bawah andaian belanjawan kerajaan sebanyak AS\$75-80 (RM331-353) setong. Ini menunjukkan bahawa tekanan inflasi utama, walaupun ditampung kewujudan subsidi, berkejadianan akan kekal rendah.

Gabenor BNM menyatakan bahawa dasar monetari bukanlah instrumen terbaik untuk menangani risiko tarif tetapi menggaskan bahawa BNM akan memastikan pasaran FX berfungsi dengan teratur.

Ekonomi Malaysia bakal mengharungi pelbagai ujian, tetapi pihak berwajib mungkin kurang tertekan kerana bukan Malaysia sahaja yang akan mengalami kesannya.

Ketangkasian melaksanakan tindak balas dasar dan wawasan jelas tentang reformasi struktur jangka panjang akan meletakkan ekonomi Malaysia pada kedudukan yang kukuh dalam tempoh yang mencabar ini.

**LAVANYA VENKATESWARAN** ialah Ahli Ekonomi Kanan ASEAN, OCBC

## FAMA Perlis beri amaran kepada pihak tipu penjualan harumanis, tindakan tegas akan diambil

**KANGAR:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis memberikan amaran kepada mana-mana pihak yang melakukan penipuan dalam penjualan mangga Harumanis, tindakan tegas akan diambil bermula awal Mei ini.

Pengarah FAMA Perlis Mohd Anzara Azizan berkata ini kerana berdasarkan pemantauan, pihaknya mengesahkan unsur penipuan memabitkan penjualan mangga itu semasa menjual mangga dari negara jiran secara dalam talian dan di tepi jalan di Perlis.

"FAMA bukan sajalah memantau gerai jualan di sepanjang

jalan utama Kuala Perlis hingga Changlun malah turut memeriksa label yang dipamerkan. Kita laksanakan 14 aktiviti advokasi dan keluarkan 61 kenyataan advokasi.

"Tindakan terhadap isu penipuan ini akan bermula awal Mei ini bersama Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis," katanya pada sidang media di sini semalam.

Mohd Anzara berkata pihaknya juga melaksanakan inisiatif uji beli melalui platform dalam talian bagi mengejarni aktiviti penipuan jualan

Harumanis di negeri itu.

"Kita percaya ramai scammer ambil kesempatan musim ini sebab kita beli, dan dapat buah itu palsu, harga ditawarkan pun tak logik seperti tiga kilogram RM50. Sedangkan harga sebenar gred premium Harumanis boleh cecah RM120 sekilogram. Bukan saja pengguna rugi, malah imej Harumanis Perlis turut terjejas," katanya.

Beliau berkata bagi menanggani isu itu, FAMA memperluas kerjasama advokasi bersama media dan pengusaha sah serta agensi kerajaan lain untuk memastikan hanya Harumanis tulen dipasarkan.

"FAMA turut menyediakan tag dan banner GPL sebagai penanda sah, selain menggalakkan pengguna membeli melalui Agrobazaar Online di bawah FAMA dan pusat jualan yang diiktiraf. Kita mahu semua peniaga lebih bertanggungjawab, patuh undang-undang dan tidak mengambil kesempatan keatas pengguna," katanya.

Mohd Anzara berkata turut menyeru orang ramai lebih berhati-hati dan menyemak label, harga dan maklumat pengesahan setiap kali membeli Harumanis sama ada secara fizikal maupun dalam talian. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 APRIL 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Apr	Dua lelaki Thailand dicekup lepas lima bulan seludup petrol	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/04/16/dua-lelaki-thailand-dicekup-lepas-lima-bulan-seludup-petrol/">https://www.kosmo.com.my/2025/04/16/dua-lelaki-thailand-dicekup-lepas-lima-bulan-seludup-petrol/</a>	KOSMO
17-Apr	Cubaan dua lelaki Thailand seludup petrol gagal	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/04/16/cubaan-dua-lelaki-thailand-seludup-petrol-gagal/">https://malaysiagazette.com/2025/04/16/cubaan-dua-lelaki-thailand-seludup-petrol-gagal/</a>	MALAYSIA GAZETTE
17-Apr	Taktik warga Thailand guna kenderaan tempatan seludup petrol dibongkar	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/723117/berita/semasa/taktik-warga-thailand-guna-kenderaan-tempatan-seludup-petrol-dibongkar">https://www.sinarharian.com.my/article/723117/berita/semasa/taktik-warga-thailand-guna-kenderaan-tempatan-seludup-petrol-dibongkar</a>	SINAR HARIAN
17-Apr	Ubah suai tangki minyak untuk seludup petrol, 2 lelaki Thai ditahan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/ubah-suai-tangki-minyak-untuk-seludup-petrol-2-lelaki-thai-ditahan/">https://www.buletintv3.my/nasional/ubah-suai-tangki-minyak-untuk-seludup-petrol-2-lelaki-thai-ditahan/</a>	TV3
17-Apr	Nearly 500kg of LPG seized in car park raid	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/04/1202858/nearly-500kg-lpg-seized-car-park-raid#google_vignette">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/04/1202858/nearly-500kg-lpg-seized-car-park-raid#google_vignette</a>	NEW STRAITS TIMES
17-Apr	Penang KPDN raids house over suspected subsidised LPG misuse	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-raids-house-over-suspected-subsidised-lpg-misuse-LO13959705">https://thesun.my/malaysia-news/penang-kpdn-raids-house-over-suspected-subsidised-lpg-misuse-LO13959705</a>	THE SUN
17-Apr	Ongoing Rahmah sales to help local residents	<a href="https://www.sarawaktribune.com/ongoing-rahmah-sales-to-help-local-residents/">https://www.sarawaktribune.com/ongoing-rahmah-sales-to-help-local-residents/</a>	SARAWAK TRIBUNE
17-Apr	Pastikan ketulenan Harum Manis sebelum beli - FAMA	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pastikan-ketulenan-harum-manis-sebelum-beli-fama">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pastikan-ketulenan-harum-manis-sebelum-beli-fama</a>	RTM
17-Apr	FAMA Perlis Beri Amaran Kepada Pihak Tipu Penjualan Harumanis, Tindakan Tegas Akan Diambil	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2413381">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2413381</a>	BERNAMA